

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN  
34(6)(h) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 KE ATAS  
SUMBANGAN/PENAJAAN SMART ARTIFICIAL INTELLIGENCE (AI)-DRIVEN  
REVERSE VENDING MACHINE (RVM) BAGI MAKSDUD PENGIRAAN CUKAI  
PENDAPATAN**

**Tujuan**

Garis panduan ini bertujuan memberi penjelasan berhubung dengan kriteria dan prosedur am permohonan potongan cukai di bawah seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967 ke atas sumbangan / penajaan *smart artificial intelligence (AI) - driven reverse vending machine (RVM)* bagi maksud pengiraan cukai pendapatan.

**Latar Belakang**

Insentif potongan cukai bagi penajaan *smart artificial intelligence (AI) - driven reverse vending machine (RVM)* telah diumumkan melalui Belanjawan 2023 di bawah seksyen 34(6)(h) Akta Cukai Pendapatan 1967. Pembangunan perbandaran serta peningkatan penduduk yang pesat memberi kesan kepada peningkatan jumlah sisa pepejal domestik dan industri terutama plastik yang mendarangkan kesan buruk kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia. Selain menjadikan kualiti kehidupan rakyat, sisa plastik yang tidak diurus dengan baik ini memberikan kesan yang signifikan terhadap ekonomi dan alam sekitar negara ini.

Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021 - 2030 telah menggariskan strategi dan pelan tindakan untuk menangani masalah pecemaran plastik ini secara mampan dalam memastikan kemakmuran ekonomi, kesihatan dan kesejahteraan sosial negara. Ia turut berperanan sebagai panduan kepada semua pihak berkepentingan dalam memastikan kelestarian plastik mencapai tahap ekosistem kitaran plastik yang lebih besar di Malaysia. Salah satu strategi di dalam Pelan Hala Tuju ini ialah memastikan agar material plastik dapat dikitar semula dan digunakan semula selama yang boleh, yang boleh dicapai melalui pengukuhan aktiviti pengumpulan dan penyisihan sisa plastik.

Selaras dengan Pelan Hala Tuju ini, Kerajaan telah menyasarkan untuk meningkatkan kadar pengumpulan plastik untuk dikitar semula sebanyak 40% menjelang 2025. Oleh itu, bagi menggalakkan perubahan sikap ke arah mengitar semula melalui pendidikan dan juga menghalang pencemaran plastik dan aluminium, teknologi AI telah diadaptasi bagi pengumpulan sisa plastik di dalam komuniti setempat.

## **Bentuk Sumbangan Yang Layak Mendapat Potongan Cukai**

Wang tunai atau pembiayaan bagi *smart vending machine* yang menerapkan unsur teknologi *smart artificial intelligence (AI)*.

## **Pihak Yang Layak Memohon Potongan Cukai**

Syarikat dan selain syarikat iaitu individu, perkongsian, badan amanah dan koperasi yang mempunyai pendapatan perniagaan.

## **Pengesahan Sumbangan**

### **(a) Wang Tunai / Pembiayaan**

- (i) Penyumbang hendaklah mengemukakan **resit rasmi / surat akuterima / surat perjanjian pembiayaan** serta menentusahkan nilai wang tunai/peralatan/perkhidmatan daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim berkenaan berserta dengan cop rasmi berdasarkan format seperti di **Lampiran I dan II**; dan
- (ii) Surat perjanjian pembiayaan perlu ada menyatakan tempoh, lokasi dan no. siri peralatan yang dibekalkan.

## **Prosedur Am Memohon Kelulusan Menteri Kewangan**

Penyumbang hendaklah membuat permohonan bagi mendapat kelulusan potongan cukai daripada Menteri Kewangan secara bertulis dengan mengemukakan maklumat berdasarkan format di **Lampiran III**.

Permohonan yang lengkap dikemukakan kepada:

Setiausaha  
Bahagian Cukai  
Perbadanan Malaysia  
Tingkat 6, Blok Tengah, Kompleks Kementerian Kewangan  
Precint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62592,  
Putrajaya.

## **Prosedur Menikmati Potongan Cukai Dari Lembaga Hasil Dalam Negeri**

Tuntutan ke atas potongan bagi sumbangan kepada projek komuniti/amal yang telah diluluskan hendaklah dibuat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran yang berkenaan. Dokumen berikut hendaklah disimpan dengan baik untuk tujuan audit oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri:

- (i) surat kelulusan asal oleh Menteri Kewangan;
- (ii) resit rasmi atau surat akuterima sumbangan daripada badan penerima;
- (iii) surat pengesahan nilai perkhidmatan / nilai kos projek daripada agensi Kerajaan berkaitan.

## **Tarikh Kuat Kuasa**

Bagi sumbangan/penajaan dan permohonan yang diterima oleh Kementerian Kewangan mulai 1 April 2023 hingga 31 Disember 2024.

Bahagian Cukai  
Perbendaharaan Malaysia

## LAMPIRAN I

Kepala Surat Penerima

---

No. Rujukan:

Tarikh:

YAB Menteri Kewangan

**Surat Akuterima Sumbangan/ Penajaan *Smart Artificial Intelligence (AI)-Driven Reverse Vending Machine***

Saya ..... No. Kad Pengenalan .....  
berjawatan ..... mengaku  
telah menerima sumbangan wang tunai / pembiayaan daripada .....  
..... pada ..... bernilai RM ..... Sumbangan ini  
adalah bagi projek ..... yang telah pun diluluskan  
oleh Kementerian Kewangan melalui surat bil ..... bertarikh .....  
Butiran penempatan adalah seperti berikut:

Lokasi RVM:

No. Siri:

Sekian.

(Tandatangan)

.....  
**Nama :**

**Cop badan penerima :**

## **LAMPIRAN II**

Kepala Surat Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim

---

No. Rujukan:

Tarikh:

Kepada:

YAB Menteri Kewangan

### **Pengesahan Nilai Kos Sumbangan/ Penajaan *Smart Artificial Intelligence (AI)-Driven Reverse Vending Machine***

Saya..... No. Kad Pengenalan..... berjawatan ..... mengesahkan bahawa nilai perkhidmatan / pemberian projek yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan melalui surat bil ..... bertarikh..... adalah berjumlah RM.....

Saya juga mengesahkan bahawa pemberian / tajaan tersebut telahpun dibuat sepenuhnya bagi tempoh ..... Butiran penempatan adalah di:  
(Lokasi RVM) dan No siri seperti berikut .....

Sekian.

(tanda tangan)

**Nama:**

**Cop Jabatan:**

**LAMPIRAN III**

**PERMOHONAN UNTUK MENDAPAT KELULUSAN POTONGAN CUKAI DI BAWAH SEKSYEN 34(6)(h)  
AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 KE ATAS SUMBANGAN/PENAJAAN SMART ARTIFICIAL  
INTELLIGENCE (AI)-DRIVEN REVERSE VENDING MACHINE**

**i. Butir - Butir Pemohon:**

Nama	
No. Pendaftaran Syarikat/Pertubuhan	
Alamat	
No. Telefon	
E-mel	

**ii. Butir - Butir Sumbangan:**

Keterangan Projek / Program	Pelan Hala Tuju Kelestarian Plastik Malaysia 2021–2030: <i>(Smart Artificial Intelligence (AI)-Driven Reverse Vending Machine)</i>
Bentuk sumbangan	Wang Tunai / Pembiayaan
Jumlah/Nilai Sumbangan	
Keterangan Sumbangan	
Tarikh Sumbangan	
Nama Agensi / Badan Penerima / Lokasi	
Bidang Projek / Program	Projek pemuliharaan atau pemeliharaan alam sekitar (Pengumpulan dan penyisihan sisa plastik dan aluminium)

**Akuan Pemohon**

Saya mengaku segala maklumat/dokumen yang diberi dalam borang ini adalah benar. Sekiranya didapati terdapat maklumat/dokumen yang diberi adalah palsu, kelulusan yang diberi boleh ditarik balik.

Tanda tangan Pemohon :

Tarikh :

Cop Rasmi syarikat/pertubuhan :